

TEMPLAT ULASAN BUKU HADIS 40 SEBAGAI INSTRUMEN PENILAIAN BERTERUSAN DALAM KURSUS CTU 152: SATU PENDEKATAN REFLEKTIF DAN AUTENTIK

THE HADITH 40 BOOK REVIEW TEMPLATE AS A CONTINUOUS ASSESSMENT INSTRUMENT IN THE CTU 152 COURSE: A REFLECTIVE AND AUTHENTIC APPROACH

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{1*}

Paiz Hassan²

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

Muhd Imran Abd. Razak⁴

Mohd Farhan Abd Rahman⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (email: paiz4186@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (email: paiz4186@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (email: paiz4186@uitm.edu.my).

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (e-mail: farhan84@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 23-4-2025

Revised date : 24-4-2025

Accepted date : 10-5-2025

Published date : 29-6-2025

To cite this document:

Yusof @ Salleh, M. Y., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., Abd. Razak, M. I., & Abd Rahman, M. F. (2025). Templat ulasan buku hadis 40 sebagai instrumen penilaian berterusan dalam kursus CTU 152: Satu pendekatan reflektif dan autentik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 177 - 184.

Abstrak: Artikel ini membentangkan satu inovasi pedagogi dalam bentuk Templat Ulasan Buku Hadis 40 yang direka khusus sebagai instrumen penilaian berterusan dalam kursus CTU 152: Penghayatan Etika dan Peradaban bagi pelajar di peringkat diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Templat ini berfungsi sebagai alat pentaksiran formatif yang bersifat reflektif dan autentik selaras dengan objektif kursus yang menekankan penghayatan nilai, pemikiran etika serta pemupukan sahsiah pelajar Muslim. Struktur templat ini membimbing pelajar untuk membaca dan memahami kandungan buku secara mendalam, mengenal pasti mesej nilai dalam hadis, menilai kaitan antara nilai dan isu semasa, serta mengemukakan refleksi sendiri secara tersusun. Sebagai penilaian berterusan, templat ini mendorong pelajar untuk mengintegrasikan ilmu, adab dan aplikasi amali dalam satu tugas yang holistik. Analisis terhadap hasil pelajar menunjukkan peningkatan dalam keupayaan menulis secara

kritis dan reflektif, kejelasan nilai yang dihayati, serta kesedaran terhadap keperluan menyesuaikan ajaran Islam dengan konteks kehidupan semasa. Inovasi ini sekali gus menawarkan pendekatan alternatif kepada kaedah penilaian konvensional yang bersifat kognitif semata-mata, dengan memberi ruang kepada pelajar untuk menunjukkan pemahaman nilai melalui penzahiran peribadi dan analisis kontekstual. Artikel ini mencadangkan agar pendekatan ini diperluaskan sebagai amalan penilaian berterusan yang lebih berfokuskan pembinaan akhlak dan jati diri pelajar dalam pendidikan tinggi Islam.

Kata kunci: *Template ulasan buku, penilaian berterusan, CTU 152.*

Abstract: *This article presents a pedagogical innovation in the form of the Hadith 40 Book Review Template, specifically designed as a continuous assessment instrument for the CTU 152 course: Appreciation of Ethics and Civilization at the diploma level Universiti Teknologi MARA (UiTM). This template functions as a formative assessment tool that is both reflective and authentic, in line with the course objectives which emphasize value internalization, ethical thinking, and the development of students' character. Its structured format guides students to engage deeply with the book, identify ethical themes within the hadiths, evaluate their relevance to contemporary issues, and present meaningful personal reflections. As a continuous assessment tool, the template encourages students to integrate knowledge, manners, and practical application in a holistic learning task. Analysis of student submissions shows improvement in reflective and critical writing, clearer value articulation, and heightened awareness of applying Islamic teachings to real-life contexts. This innovation offers a viable alternative to conventional cognitive-based assessments by providing space for students to demonstrate value comprehension through personal insight and contextual analysis. The article recommends this approach be expanded as a model for continuous assessment focused on character building and moral development in Islamic higher education.*

Keywords: *Book review template, continuous assessment, CTU 152.*

Pendahuluan

Pendidikan Islam dalam konteks pengajian tinggi masa kini menuntut pendekatan pedagogi yang bukan sahaja menekankan penguasaan ilmu secara teoritikal, tetapi juga mengutamakan pembinaan nilai, etika dan penghayatan agama secara menyeluruh (Abdul Munir, 2018). Kursus CTU 152: Penghayatan Etika dan Peradaban, yang ditawarkan kepada pelajar peringkat diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM), dirancang bagi membimbing pelajar memahami asas etika Islam mengamalkan nilai universal dan menilai isu-isu moral serta sosial dalam acuan peradaban Islam. Seiring dengan kehendak tersebut, pendekatan pentaksiran yang bersifat autentik dan reflektif amat diperlukan bagi memastikan pemahaman pelajar tidak terbatas kepada hafalan semata-mata tetapi merangkumi dimensi pemikiran, pengalaman dan tindakan (Abbas, 2002; Ripin 2025; Kamaruddin, 2023). Bagi menyahut cabaran tersebut, Templat Ulasan Buku Hadis 40 telah dibangunkan sebagai satu inovasi penilaian berterusan yang bersifat reflektif dan autentik. Template ini membantu pelajar untuk memahami kandungan buku Hadis 40 secara bertema, menganalisis mesej nilai yang terkandung dan menghubungkannya dengan pengalaman serta konteks kehidupan semasa. Penggunaan templat ini terbukti berkesan dalam mencungkil keupayaan pelajar menulis secara analitik dan reflektif, sebagaimana yang dibuktikan dalam pelbagai hasil pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam pemahaman nilai, adab serta kepekaan terhadap isu masyarakat. Pendekatan ini turut memperkukuh keupayaan pelajar untuk mengintegrasikan dimensi akal, rohani dan etika,

selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara holistik. Pembelajaran teks hadis seperti Hadis 40 memberi impak mendalam dalam pembentukan budaya ilmu dan adab, khususnya dalam kalangan generasi muda yang berhadapan dengan cabaran peradaban moden. Maka, inovasi penilaian berterusan ini bukan sekadar memenuhi kehendak kurikulum, tetapi juga menyumbang ke arah penghayatan nilai Islam secara praktikal dan kontekstual dalam kehidupan pelajar.

Sorotan Literatur

Pelaksanaan penilaian berterusan dalam pendidikan Islam memerlukan pendekatan yang bukan sahaja menguji aspek kognitif, tetapi juga menyentuh dimensi afektif dan psikomotor yang mencerminkan penghayatan nilai (Haziyah et.al, 2021; Mustaqim, 2024). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kursus CTU 152: Penghayatan Etika dan Peradaban, pendekatan pentaksiran reflektif dan autentik amat bertepatan kerana kursus ini bertujuan membentuk kefahaman pelajar terhadap nilai etika dan prinsip peradaban Islam secara kontekstual (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2023). Penekanan terhadap penghayatan nilai dalam pendidikan Islam telah diberi perhatian serius melalui inisiatif seperti Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang digariskan dalam Surat Siaran KPM Bil. 5 Tahun 2024. Modul ini bertujuan untuk membudayakan pembacaan dan pemahaman hadis dalam kalangan pelajar agar dapat menghayati nilai-nilai Islam dan menerapkannya dalam kehidupan (KPM, 2024). Hal ini membuktikan bahawa pembelajaran berasaskan teks hadis bukan sekadar aktiviti akademik, malah merupakan medium pembinaan adab, akhlak dan jati diri Muslim.

Dalam kajian oleh Miqdad Arromy et al. (2024) & Khairulnazrin Nasir (2024), pengajaran hadis melalui pendekatan nilai terbukti memperkukuh kefahaman pelajar terhadap konsep ketuhanan dan peranan etika dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut menegaskan bahawa pendedahan terhadap hadis secara tersusun dan bersifat reflektif dapat mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap prinsip-prinsip utama dalam akidah serta meningkatkan kepekaan mereka terhadap isu semasa. Selain itu, kajian Nurmilasari (2015) juga mendapati bahawa pembelajaran hadis dan al-Quran secara integratif mampu membentuk kemahiran rohani dan emosi dalam kalangan pelajar. Pelajar yang terlibat secara aktif dalam proses refleksi dan analisis teks agama lebih cenderung menunjukkan perubahan sikap, disiplin sendiri, dan kepekaan moral yang tinggi. Ini sejajar dengan falsafah pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara aspek ilmu, iman dan amal (Muhammad Faizuddin et.al, 2025). Sorotan literatur ini memperkukuh justifikasi penggunaan Templat Ulasan Buku Hadis 40 sebagai instrumen penilaian berterusan yang bukan sahaja menguji kefahaman pelajar terhadap isi kandungan buku, tetapi turut membimbing mereka untuk menilai nilai, menghubungkannya dengan konteks semasa, dan membentuk refleksi sendiri secara bermakna. Penilaian berasaskan refleksi ini selari dengan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dan memenuhi hasrat pentaksiran holistik dalam pendidikan tinggi Islam masa kini.

Metodologi Kajian

Inovasi ini dilaksanakan dalam kursus CTU 152: Penghayatan Etika dan Peradaban melibatkan pelajar diploma semester dua di Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar. Pelaksanaan dijalankan dalam bentuk penilaian berterusan yang menyumbang kepada markah tugasan individu pelajar bagi kursus tersebut. Kaedah ini direka berdasarkan pendekatan pembelajaran berasaskan refleksi dengan sokongan prinsip pentaksiran yang menekankan kefahaman nilai dan pengaplikasian ilmu dalam konteks kehidupan sebenar. Templat yang digunakan telah direka bentuk secara sistematik merangkumi tujuh komponen utama: (1) maklumat buku dan biodata penulis, (2) objektif pembacaan, (3) kaedah pendekatan ulasan (4)

ulasan isi kandungan utama, (5) refleksi sendiri terhadap pengajaran hadis, (6) nilai dan adab yang dipelajari, serta (7) kesimpulan dan cadangan penambahbaikan. Pelajar diberi masa tujuh minggu untuk menyiapkan ulasan berdasarkan buku Hadis 40 bertema yang dipilih oleh pensyarah, contohnya “40 Hadis Wabak”, “40 Hadis Dakwah”, atau “40 Hadis Akhlak.” Sebelum pelaksanaan tugas, satu sesi pengenalan diberikan secara kuliah untuk menerangkan struktur templat, teknik membaca hadis secara bertema serta contoh penulisan reflektif yang baik. Pelajar juga diberikan ruang perbincangan dalam kumpulan kecil bagi berkongsi kefahaman dan cadangan refleksi berdasarkan konteks kehidupan mereka.

Pengumpulan data keberkesanan inovasi dibuat melalui dua kaedah:

1. Analisis kandungan hasil tugas pelajar yang melibatkan semakan kualitatif terhadap 20 tugas pelajar terpilih bagi mengenal pasti corak pemikiran reflektif, tahap kefahaman nilai dan kejelasan aplikasi konteks.
2. Borang maklum balas pelajar diberikan selepas penilaian bagi mendapatkan pandangan terhadap manfaat template dari sudut kefahaman, minat, dan impak terhadap pembentukan sahsiah diri.

Pentaksiran bagi tugas ini menggunakan rubrik yang menggabungkan kriteria seperti ketepatan ulasan kandungan, kejelasan nilai yang dihayati, kedalaman refleksi sendiri, dan kesesuaian cadangan amali yang dikemukakan. Penilaian ini dibuat secara formatif dan sumatif sebagai sebahagian daripada penilaian berterusan kursus CTU 152. Metodologi ini direka bagi memastikan pelajar bukan sahaja memahami teks hadis secara literal, tetapi turut membina keupayaan merenung, mengaitkan dan mengaplikasikan nilai dalam kehidupan semasa. Ia sejajar dengan pendekatan pembelajaran bermakna dan berfokuskan nilai, yang menjadi teras dalam falsafah pendidikan Islam dan aspirasi kurikulum CTU.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pelaksanaan template ulasan buku Hadis 40 sebagai instrumen penilaian berterusan dalam kursus CTU 152 telah menghasilkan beberapa dapatan signifikan yang membuktikan keberkesanan pendekatan ini dalam memperkasa pembelajaran pelajar dari sudut ilmu, nilai dan sahsiah. Hasil analisis terhadap 20 tugas pelajar terpilih serta maklum balas yang diperoleh melalui borang refleksi, menunjukkan impak positif dari aspek kognitif, afektif dan kemahiran insaniah. Dari sudut kognitif, pelajar dapat memahami kandungan hadis dengan lebih mendalam dan tersusun melalui kerangka template yang membimbing mereka menganalisis isi, menilai mesej nilai, serta menjelaskan konteks perbincangan. Pelajar bukan sahaja menyebut semula kandungan buku, malah mampu menghuraikan mesej hadis dengan laras bahasa sendiri dan menyusun hujah berdasarkan prinsip etika Islam. Sebagai contoh, dalam ulasan terhadap hadis berkaitan wabak dan kesabaran, pelajar berjaya mengaitkan pengalaman pasca pandemik COVID-19 dengan sabar, redha dan sikap bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Dari sudut afektif, penggunaan template ini mendorong pelajar menilai diri secara jujur melalui ruangan refleksi sendiri dan penghayatan nilai. Ramai pelajar menyatakan bahawa mereka lebih menyedari kelemahan diri, khususnya dalam aspek adab menuntut ilmu, pengurusan emosi dan tanggungjawab sosial. Ini selari dengan penekanan kursus CTU 152 yang meletakkan pembinaan nilai sebagai teras kepada falsafah kursus. Pelajar juga menyatakan bahawa tugas ini memberi kesan emosi yang mendalam kerana mereka menggunakan konsep *muhasabah* dalam proses penulisan refleksi. Manakala dari sudut kemahiran insaniah, pelajar menunjukkan keupayaan menulis secara reflektif dan berstruktur dengan menggunakan pendekatan analitik dan kritikal yang seimbang. Pelajar dapat mengenal pasti isu moral semasa yang berkaitan

dengan hadis yang dibaca, lalu mencadangkan amalan pembaikan diri dan langkah penyelesaian berteraskan nilai Islam. Kemahiran ini menunjukkan pemeraksanaan keupayaan berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks pendidikan Islam.

Dapatan ini disokong oleh maklum balas pelajar yang dikumpulkan melalui soal selidik reflektif. Sebilangan besar pelajar menyatakan bahawa template ini membantu mereka untuk lebih memahami kandungan buku dan mengaitkannya dengan kehidupan sebenar. Mereka juga menghargai peluang untuk menzahirkan pandangan peribadi tanpa tekanan format peperiksaan. Antara petikan respons pelajar termasuk: “Saya tidak pernah menulis tugas yang benar-benar membuat saya menilai diri seperti ini” dan “Setiap hadis yang saya baca seolah-olah bercakap dengan hati saya.” Perbincangan ini menunjukkan bahawa inovasi ini bukan sahaja berkesan sebagai kaedah penilaian alternatif, tetapi juga menjadi alat tarbiah yang mendekatkan pelajar dengan nilai Islam melalui proses menulis dan merenung. Ia menepati ciri penilaian autentik yang menilai pelajar dalam konteks sebenar, dan bukan sekadar pencapaian akademik semata-mata. Hal ini juga selari dengan dapatan Miqdad Arromy et al. (2024) yang menunjukkan bahawa pengajaran hadis secara reflektif memperkukuh kefahaman akidah serta membina kepekaan nilai dalam diri pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa Templat Ulasan Buku Hadis 40 berfungsi bukan sahaja sebagai alat penilaian, tetapi juga sebagai medium pembinaan pemikiran, akhlak dan jati diri pelajar dalam pendidikan tinggi Islam. Pendekatan ini wajar diperluaskan kepada kursus lain yang menekankan pembelajaran nilai, serta diangkat sebagai amalan terbaik dalam penilaian berterusan bersifat holistik.

ULASAN BUKU HADIS 40		
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Paiz Hassan, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Ahmad Bakhtiar Jelani *Pelajar Diploma Sains, Fakulti Sains Gunung, Universiti Teknologi MARA, Kampus Tapa, Perak. Kelas: CFAP1192A Abstrak		
Pendahuluan: Objektif Kajian: Metodologi Kajian: Dapatan Kajian: Saranan: Kata kunci: hadis, amalan, harian.		
PENDAHULUAN METODOLOGI KAJIAN Kajian ini menggunakan analisis teks sebagai metodologi utama. Metodologi analisis teks merupakan pendekatan sistematis untuk memahami dan menafsirkan teks secara mendalam. Ia merangkumi langkah-langkah di bawah: 1. Pemahaman terhadap isi buku: Penulis mula dengan membaca buku dengan teliti, mengenal pasti tema utama, argumen, dan pesan yang ingin disampaikan penulis. 2. Penilaian struktur dan gaya penulisan: Penulis memberikan penilaian terhadap bagaimana buku itu tersusun, apakah ia mempunyai urutan yang konsisten dan logik, serta gaya penulisan yang digunakan oleh penulis. 3. Menganalisis kandungan: Penulis cuba memahami latar belakang penulis buku, konteks penulisan buku, dan hubungannya dengan isu-isu semasa. 4. Menerokai relevansi kandungan: Penulis menguraikan tentang relevansi buku dengan topik yang dibincangkan serta signifikansinya dalam konteks masyarakat Malaysia. 5. Memberi cadangan: Penulis memberi cadangan kepada khalayak yang mungkin mendapati buku itu berguna, serta memberi idea untuk penambahbaikan jika perlu.		
BIOGRAFI PENGARANG DATA KITAB ULASAN HADIS 40 RUMUSAN, REFLEKSI DAN ANALISIS KRITIS		
Soalan	Analisis Pelajar	
Bagaimanakah maklumat atau pengetahuan yang anda peroleh melalui pembacaan buku ini dapat mencerahkan, memperbaiki atau menjadi panduan kepada anda mengetahui lebih mendalam tentang sesuatu isu?		
Apakah penemuan atau ilmu pengetahuan baru daripada buku yang anda kaji sebagai seorang pelajar?		
Adakah buku/artikel ini dapat mengubah atau memberi kesan terhadap cara anda berfikir tentang perkara yang dibincangkan dalam buku tersebut?		
Bagaimanakah anda mengaplikasikan ilmu pengetahuan ini dalam kehidupan anda sebagai seorang pelajar?		
Sekiranya anda melakukan kajian seperti dibincangkan dalam buku yang anda pilih, apakah ada perkara yang ingin anda ubah bagi meningkatkan kualiti kajian?		
REFLEKSI BERKAITAN PENGHAYATAN ETIKA DAN ADAB		
Soalan	Refleksi Pelajar	
Bagaimanakah buku hadis 40 ini dapat membantu pelajar dalam menghayati etika dan adab?		
Apakah dengan mengkaji hadis-hadis ini dapat membangkitkan motivasi untuk menjadi seorang pelajar yang baik?		
Bagaimanakah buku ini dapat mengubah persepsi anda terhadap keperluan mempelajari adab dan etika dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian?		
Bagaimanakah anda mengaplikasikan hadis 40 dalam kehidupan anda sebagai seorang pelajar?		
Bagaimanakah anda sebagai pelajar berkontribusi dalam mempelajari hadis 40 supaya ia tersebar dan memberi impak dalam masyarakat?		
KESIMPULAN SARANAN RUJUKAN Ahmad Sanusi Azmi. (2020). Hadis 40 Taubat. Uluam Hadith Research Centre: Nilai. Zulkifli al-Bakri. (2023). Apa yang perlu anda tahu tentang hadis 40. Dimuat turun dari: https://zulkifliabakri.com/34-apa-yang-anda-perlu-tahu-tentang-hadis-40/ . 6 Mac 2024. Rosni Bt Wazir & Mohd. Khafidz Bin Soroni. (2015). Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 Oleh Ulama Alam Melayu. Prosiding Perisidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Kajang.		
FORMAT MARKAH		
Struktur Esei	Markah	Markah
Pengenalan (buku/artikel dan penulis)	5	
Ulasan & Perbincangan	10	
Rumusan & Refleksi	5	
Analisis Kritis	5	
Etika Penulisan dan Rujukan	5	

Rajah 1: Contoh Template Ulasan Buku Hadis 40

Borang Maklum Balas Pelajar: Penggunaan Template Ulasan Buku Hadis 40

Kursus: CTU 152 – Penghayatan Etika dan Peradaban

Tujuan: Menilai keberkesanan penggunaan template sebagai penilaian berterusan reflektif.

Sila tandakan (✓) tahap persetujuan anda bagi setiap pernyataan di bawah.

Bahagian A: Maklum Balas berdasarkan Skala Likert

BIL.	PERNYATAAN	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	NEUTRAL	SETUJU	SANGAT SETUJU
1	Saya memahami dengan jelas struktur template yang diberikan.	☐	☐	☐	☐	☐
2	Template ini membantu saya memahami isi kandungan buku Hadis 40 secara tersusun.	☐	☐	☐	☐	☐
3	Saya dapat mengaitkan kandungan hadis dengan situasi kehidupan saya.	☐	☐	☐	☐	☐
4	Bahagian refleksi dalam template membantu saya menilai diri dan memperbaiki amalan.	☐	☐	☐	☐	☐
5	Saya lebih bermotivasi untuk menyiapkan tugas kerana tugas ini melibatkan pengalaman diri.	☐	☐	☐	☐	☐
6	Saya berasa lebih dekat dengan nilai Islam selepas menulis ulasan ini.	☐	☐	☐	☐	☐
7	Tugas ini lebih bermakna berbanding ujian bertulis biasa.	☐	☐	☐	☐	☐
8	Saya ingin pendekatan seperti ini diteruskan dalam kursus CTU yang lain.	☐	☐	☐	☐	☐

Bahagian B: Maklum Balas Terbuka

9. Apakah yang paling anda pelajari atau insafi daripada tugas ini?

10. Cadangan penambahbaikan terhadap template atau pelaksanaannya:

Rajah 2: Borang Maklum Balas Pelajar Terhadap Penggunaan Template Ulasan Buku Hadis 40

Kesimpulan

Pelaksanaan Templat Ulasan Buku Hadis 40 sebagai instrumen penilaian berterusan dalam kursus CTU 152 telah membuktikan keberkesanannya dalam memperkukuh kefahaman pelajar terhadap nilai dan prinsip etika Islam secara mendalam, reflektif dan kontekstual. Inovasi ini berjaya mewujudkan satu bentuk pentaksiran alternatif yang lebih bermakna sejajar dengan falsafah pendidikan Islam yang mementingkan integrasi ilmu, iman dan amal. Templat ini bukan sahaja mendorong pelajar untuk memahami teks hadis secara literasi, malah memperkasakan mereka untuk menilai, mengaitkan dan mengamalkan nilai yang diperoleh dalam kehidupan seharian. Dapatan daripada pelaksanaan inovasi ini memperlihatkan impak yang positif dari pelbagai dimensi pemikiran kritikal, penghayatan rohani, serta kemahiran insaniah. Pelajar menunjukkan peningkatan dalam penulisan reflektif, kejelasan nilai yang dihayati serta kemampuan untuk mengenal pasti dan merumuskan cadangan pembaikan diri.

berdasarkan teks yang dikaji. Di samping itu, pendekatan ini turut meningkatkan motivasi pelajar terhadap tugas kursus kerana ia memberi ruang untuk menzahirkan pengalaman, pendapat dan renungan secara jujur dan peribadi.

Bagi memperkukuh dan memperluas lagi pelaksanaan inovasi ini; beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan. Pertama, pengintegrasian template ini ke dalam portfolio digital pelajar, sama ada melalui platform e-Portfolio institusi atau Google Classroom, dapat menjadikan proses penilaian lebih fleksibel dan mudah dipantau. Kedua, perlu diadakan sesi bimbingan penulisan reflektif secara berperingkat bagi memastikan pelajar benar-benar memahami pendekatan yang dikehendaki dan tidak terperangkap dalam penulisan deskriptif semata-mata. Ketiga, pensyarah digalakkan untuk mengadaptasi templat ini kepada tema-tema lain dalam kursus CTU 152 seperti peradaban Islam, isu etika global dan amalan nilai dalam kepimpinan bagi memastikan keberkesanan penggunaan template secara menyeluruh sepanjang kursus. Akhir sekali, inovasi ini berpotensi untuk dijadikan model penilaian formatif dan sumatif dalam kursus-kursus berasaskan nilai dan akhlak, bukan sahaja dalam bidang Pengajian Islam bahkan dalam bidang pendidikan umum yang menekankan pembangunan sahsiah dan pemikiran reflektif. Dengan penambahbaikan berterusan dan sokongan dari pihak fakulti serta pelaksana kurikulum, template ini diyakini dapat menyumbang secara signifikan kepada pembentukan pelajar yang seimbang dari segi ilmu, akhlak dan kemanusiaan selaras dengan aspirasi pendidikan Islam abad ke-21.

Rujukan

- Abas, H. R. (2002). *Tinjauan terhadap pelaksanaan penilaian berterusan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar menurut persepsi pensyarah dan pelajar semester 2, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Abdul Munir Ismail. (2018). Strategi pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu: Strategies of teaching and learning by the Islamic education teachers in district of Besut, Terengganu. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiah Amran, Nur Farhana Abdul Rahman, 'Adawiyah Ismail & Zamzuri Zakaria. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3-14.
- Kamarudin, Noor Hafzam, and Khadijah Abdul Razak. (2023). Pengajaran tarannum dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. *Ideology Journal*, 8(1), 1-12.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi*. Retrieved from <https://ecentral.my/modul-penghayatan-hadis-40-imam-nawawi/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Surat Siaran KPM Bil. 5 Tahun 2024: Pelaksanaan Aktiviti Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di Institusi Pendidikan Bawah KPM Mulai Tahun 2024*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/>
- Khairulnazrin Nasir. (2024). Keperluan hafalan kitab hadith 40 Imam al-Nawawi dalam kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu kajian awal. *HADIS*, 14(28), 60-70.
- Miqdad Arromy, M., Nurobiyanto, R., Hambali, A., Basri, H., & Ali, M. (2024). Peran pembelajaran Al-Qur'an Hadis dalam memperkuat pemahaman teologi Islam siswa. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 6(5), 5589-5599. <https://doi.org/10.31004/edukatif.v6i5.7343>
- Muhamad Faizzuddin Zainol Aman & Mohd Isa Hamzah. (2025). Kesahan dan kebolehppercayaan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah pentaksiran bilik darjah tilawah al-Quran berasaskan talaqqi musyafahah. *Jurnal dunia Pendidikan*, 7(1), 186-193.
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan kesannya kepada murid tahap satu: Analisis subjek Pendidikan Islam. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 63-78.
- Nurmilasari, A. (2015). *Pengaruh pembelajaran al-Qur'an Hadis terhadap kefasihan membaca al-Qur'an siswa kelas VIII MTs Negeri Model Palopo* (Tesis Sarjana, IAIN Palopo). Retrieved from <https://repository.iainpalopo.ac.id/id/eprint/1365/>
- Ripin, Siti Zafirah & Hafizhah Zulkifli. (2025). Pembelajaran peribadi murid tingkatan empat dalam menghadapi ujian tilawah, hafazan al-Quran dan bacaan Hadis (Utqh). *Jurnal Al-Sirat*, 25(1), 34-47.